

Konsep Kendiri (part 1)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

Konsep kendiri penting bagi remaja. Oleh sebab mereka mengalami peningkatan kekuatan fizikal dan tahap autonomi pada waktu ini, remaja mempunyai konsep kendiri yang salah. Ia kadang kala membahayakan diri mereka dan orang lain. Mereka mungkin menjadi devian, tiada keyakinan diri, tersisih dan lain-lain. Konsep kendiri di kalangan remaja merangkumi tiga aspek. Pertama, bagaimana remaja melihat dirinya. Kedua, bagaimana remaja mahu dirinya dilihat. Ketiga, bagaimana remaja mempamerkan dirinya kepada orang lain.

Remaja pada umumnya merujuk kepada golongan manusia yang berumur 12-21 tahun. Dari sudut perkembangan manusia, remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Semasa seseorang itu mengalami zaman remaja dia akan mengalami pelbagai perubahan yang drastik, termasuklah perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Akibat daripada itu, seorang remaja merupakan orang yang emosinya tidak stabil, dan sentiasa bermasalah.

Konsep kendiri remaja berkait rapat dengan cara remaja itu menganggap dirinya secara fizikal. Oleh itu, remaja terlalu prihatin dengan bentuk tubuh badan, fesyen dan baju menjadi simbol diri dan gemar merayau-rayau di kompleks membeli belah. Konsep kendiri berkait rapat dengan tahap pencapaian akademik. Lazimnya remaja yang mempunyai konsep kendiri yang positif menunjukkan prestasi yang baik dalam pelajaran, manakala remaja yang mempunyai konsep kendiri negatif, lemah dalam bidang akademik. Remaja perlu dibentuk dan dididik supaya mempunyai kendiri positif.

Kemahiran berkomunikasi penting bagi membentuk identiti yang menarik dan positif. Bagi mendapatkan komunikasi, remaja perlu menjadi pendengar yang baik iaitu dapat memahami apa yang dikatakan oleh orang lain. Ini memudahkan mereka membuat tanggapan dan kesimpulan. Selain itu, remaja perlu menghormati dan mengambil kira pandangan orang lain iaitu perlu rasional sewaktu mendengar pandangan orang lain. Di samping itu, remaja perlu menghargai pendapat diri sendiri yang menggambarkan nilai diri yang tinggi dan meluahkan perasaan kepada ibu bapa apabila menghadapi masalah. Konsep kendiri juga dinilai melalui bilangan rakan-rakan yang dimiliki oleh remaja. Rakan sebaya diperlukan bagi berkongsi idea yang baik dan memberi penghargaan kepada mereka